

بریتا
BERITA

PKINK



PENGERAK
PEMBANGUNAN
UMMAH

فہرست اخبار کا اجوان اقتداری کلائنٹ

• PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

• www.pkink.gov.my

Internet Thoyyibah
Pemangkin Peribadi Unggul

6



PKINK Jayakan Misi
Kemanusiaan Ke Kemboja

7



PKINK Lebarkan
Ar-Rahn Ke Sabah

9



PKINK Terima Kunjungan
Delegasi MTAT

12



An-Nisa Ubah Tanggapan
Masyarakat

30



Jihad Bisnes

Sebagai Alternatif Perkasaan
Ekonomi Ummah



SIDANG EDITOR

PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah

Ketua Eksekutif

KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh

Pengurus Pengurusan Sumber Manusia

TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain

Penolong Pengurus Pengurusan

Sumber Manusia

SIDANG EDITORIAL

Tengku Petra Tengku Wook

Pn. Sofia Aizan bt. Che Soh

Pn. Zakiah bt. Mohamed

Pn. Hawa bt. M. Salleh

Ramli b. Hamzah

FOTOGRAFI

Tengku Petra Tengku Wook

PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri

Kelantan

Tingkat 8-11, Bangunan PKINK

Jalan Tengku Maharani,

15710 Kota Bharu,

Kelantan

Tel: 09-7414141

Fax: 09-7414069

PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.



Selembar Amanat

Dari meja Ketua Editor

Aihamduillah, sekali lagi kita bersua di ruangan yang ringkas bagi berkongsi visi dan misi pihak ibu pejabat PKINK. Kita menyedari bahawa kemiskinan adalah suatu perkara yang boleh menjadi punca kepada kemunduran sesebuah masyarakat. Malah, kemiskinan juga boleh menjadi punca bertambahnya indeks jenayah seperti ragut dan rompak. Oleh yang demikian, membasmi kemiskinan adalah suatu tuntutan besar bagi umat Islam dan ia juga dianggap sebagai jihad yang murni.

Sebagai anggota PKINK sewajarnya kita memahami hasrat dan matlamat kerajaan negeri yang berusaha membantu warga Kelantan hidup dengan lebih selesa dan jauh dari kemelaratan. Kita selaku yang diamanahkan untuk memegang jawatan besar atau kecil tidak boleh menganggap jawatan itu sebagai suatu perkara picisan. Kita wajib berusaha dan berjihad dengan cara yang sewajarnya bagi membasmi kemiskinan dan kemelaratan di kalangan warga Kelantan.

Atas kefahaman ini, pihak PKINK telah menjemput Tan Sri Dato' Hj Muhammad Ali bin Hashim selaku presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation pada 17 Mei 2010 bagi memberikan syarahan khas berkaitan 'Jihad Bisnes'. Majlis ini telah berjaya menghimpun ramai pengurus, pegawai dan golongan yang terlibat dalam pengurusan ekonomi kerajaan. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai dan pengurus tentang pengalaman berguna oleh Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation tersenut. Sememangnya kita berharap dengan program seperti ini akan mampu memberi injeksi spiritual kepada pengurus dan penggerak ekonomi negeri Kelantan. Janganlah pula input-input yang diterima dianggap sebagai retorik. Malah jadikan ia pembakar semangat demi meneruskan nawaitu yang baik untuk menolong memperkasakan ekonomi rakyat Kelantan.

Selain daripada itu, kita tidak boleh melupakan nasib umat Islam di negara lain. Sama ada di Palestin atau di negara-negara yang berjiran dengan Malaysia. Memang kita tahu bahawa isu Palestin adalah isu besar yang hangat diperkatakan, namun tidak bererti kita boleh mengabaikan umat Islam di negara Asia yang lain. Kita perlu sedar bahawa akidah umat Islam terancam di negara Asia seperti Indonesia, Thailand dan Kemboja. Ancaman akidah ini terjadi disebabkan oleh faktor kemiskinan, ramai orang sanggup tukar agama untuk dapatkan wang sara hidup.

Justeru itu, pihak PKINK menerusi Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK telah melaksanakan misi kemanusiaan ke Kemboja pada penghujung jun 2010. Misi ini bertujuan untuk menghantar bantuan asas seperti makanan, ubatan, pakaian dan wang untuk pembelian pam air. Pada awalnya pihak kami menghadapi banyak kesukaran, namun dengan izin Allah kami mampu meneruskan ia sebagaimana yang dirancang. Ternyata program ini berjalan dengan baik dan tidak menghadapi banyak masalah. Sambutan yang diterima daripada masyarakat Kemboja juga amat membanggakan.

Akhirnya saya ingin menegaskan kepada seluruh anggota agar kita melihat isu kemiskinan sebagai isu yang perlu diperangi. Jihad ini perlu dilakukan dengan nawaitu yang betul, iaitu untuk membangunkan ummah dan bukan pula untuk tujuan-tujuan kepentingan peribadi. Jika kita ikhlas, kesukaran yang kita hadapi pasti akan dipermudahkan oleh Allah SWT. Insya Allah.



Sekian, terima kasih.

HJ MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH

*Pengurus Pengurusan Sumber Manusia
PKINK*



SE PINTAS LALU



- 2** Sidang Editor & Dari Meja Ketua Editor
- 4** Jihad Bisnes Sebagai Alternatif Perkasaan Ekonomi Ummah
- 5** Ketua Eksekutif PKINK Tinjau Operasi Lombong Emas Sokor
- 6** Internet Thoyyibah Pemangkin Peribadi Unggul
- 7** PKINK Jayakan Misi Kemanusiaan Ke Kemboja
- 7** Penyerahan Bendera Kontinjen Untuk Misi Kemanusiaan Kemboja
- 8** Kelantan Ke Arah Jelapang Makanan Negara 2015
- 9** PKINK Lebarkan Ar-Rahn Ke Sabah
- 10** Pameran Sempena Muktamar Warnai Kemeriahkan
- 11** An-Nisa Anjur Derma Darah
- 12** Program Sepadu Bersama Rakyat
- 12** Hari Bertemu Pelanggan PMSB
- 13** PKINK Terima Kunjungan Delegasi MTAT
- 14** Keselamatan Penting Bagi Pembangunan Ekonomi Negeri
- 15** Kemboja: Amal Merentasi Sempadan
- 18** Berita Bergambar
- 20** An-Nisa Ubah Tanggapan Masyarakat
- 21** Anjakan Paradigma Dalam Diri Pegawai Kerajaan

- 21** Penubuhan Badan Pengurusan Bersama/Joint Management Body (JMB) Bagi KB Cyber Plaza
- 22** Kekejaman Israel di Gaza
- 22** SIRIM Anjur Kursus Rekacipta Laman Web di Makmal Siber PKINK
- 23** PANDA VS KAPERSKY
- 23** PKINK Anjur Kursus Asas Fotografi
- 24** PKINK Terus Hulur Bantuan
- 25** Tugas Penghulu Di Hargai
- 26** Alumni Program Usahawan Muda Kepada Usahawan Berwibawa
- 28** Pentingnya Konsep Perletakan Dalam Pembentukan Strategi Pemasaran
- 30** Mesyuarat Agung KSK PKINK Kali Ke-29
- 31** KSK PKINK Anjur Kejohanan Badminton Beregu Remaja Tertutup Kelantan
- 32** PKINK Sertai Kejohanan Badminton Jemputan Melayu Zon Utara
- 33** Untung Dunia, Belum Tentu Untung Akhirat
- 34** Membersihkan Diri Dari Sumber Yang Haram
- 35** Air Mata Gaza
- 35** Selamatkan Gaza



Jihad Bisnes Sebagai Alternatif Perkasakan Ekonomi Ummah



KOTA BHARU - "Sistem ekonomi Islam yang berpaksikan kepada akidah dan tauhid sebagai satu paradigma adalah menjadi suatu sistem yang utuh", demikian kata Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat, ketika menyampaikan ucapan penggulungan mengenai Jihad Bisnes-Satu Alternatif Dalam Membangun Ekonomi Ummah.

Majlis syarahan khas mengenai jihad bisnes yang telah berlangsung pada 17 Mei lalu bertujuan bukan sahaja memberi pendedahan yang mendalam malahan juga turut membuka minda masyarakat dalam usaha membangunkan ekonomi Islam khususnya.

Hadir sama pada majlis itu ialah Speaker Kerajaan Negeri Kelantan Dato Hj Nasaruddin Daud, Exco-Exco Kerajaan Negeri, Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri (PKINK) Mohd Sabri Abdullah dan Ketua Eksekutif Johor Corporation, Tan Sri Dato Muhammad Ali Hashim.


Berucap pada majlis itu, Dato' Nik Aziz berkata sistem kapitalis yang persis sistem ekonomi komunis adalah sistem ciptaan manusia yang banyak mempunyai kelemahan seperti lemahnya manusia itu sendiri yang mendorong kepada amalan riba yang dipoparkan dalam pelbagai bentuk dan jenama sistem kewangan dan perbankan.

"Saya berpendapat bahawa sistem ekonomi kapitalis suatu masa nanti akan musnah. Krisis ekonomi yang melanda dunia adalah jelas memaparkan kepincangan sistem ekonomi kapitalis.

"Negeri Kelantan ingin mencetuskan cetusan kalbu yang meletakkan asas Ubudiyah, Itqan dan Mas'uliyyah bagi



Ketua Eksekutif PKINK Tinjau Operasi Lombong Emas Sokor



KOTA BHARU - Ketua Eksekutif PKINK Mohd Sabri Abdullah bersama Pengurus Projek dan Hartanah PKINK dan pegawai-pegawaiannya telah sempat meninjau operasi lombong emas yang diusahakan oleh syarikat CMNM Mining Group Sdn Bhd dengan kerjasama PKINK di Sokor, Tanah Merah pada 29 Mei yang lalu

Usahasama melombong emas ini melibatkan kawasan seluas 1000 hektar di kawasan Sokor, Kelantan telah bermula melalui perjanjian antara CNMC Goldmine Limited dengan PKINK bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan pada Mei 2007.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk melihat operasi pengeluaran emas oleh syarikat berkenaan dengan lebih dekat lagi.

Menteri Besar Kelantan YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat dijangka akan melawat lombong emas ini bagi menyaksikan pengeluaran emas pertama pada Julai nanti.

membolehkan segala aktiviti rakyat Kelantan berada diatas jalan takwa. Saya juga berharap seluruh masyarakat menerima keseluruhan sistem ekonomi Islam sebagai satu alternatif baru", tambah beliau lagi.

Sementara itu, Muhammad Ali yang juga merangkap Timbalan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) berkata, umat Islam kini menjadi sasaran barat dalam pelbagai bentuk peperangan, bukan sahaja berperang dalam bentuk persenjataan malahan juga dalam aspek ekonomi.

"Kita wajib memerangi mereka dengan memberi keutamaan kepada bidang lain iaitu ekonomi kerana apabila suatu sistem ekonomi tersebut telah mantap, maka pengaruh politik juga akan turut serta". Beliau mengulas demikian ketika menyampaikan ucapan mengenai Jihad Bisnes yang berlangsung di Kota Darulnaim dekat sini.

Beliau berkata, jihad bisnes yang diamalkan pada hari ini merupakan sistem yang baru dalam usaha memulihkan kembali kedudukan ekonomi umat Islam dan harus dilihat daripada perspektif yang lebih luas kerana dikhuatiri lebih bersifat kapitalis barat sedangkan sistem di barat dipersoalkan sendiri melalui masalah ekonomi dan jurang pendapatan mereka.

Mengulas lanjut, Muhammad Ali berkata DPIM telah mengambil langkah drastik khususnya melalui ekonomi baru iaitu dengan mengetengahkan enam usul dalam usaha memperbaharui sistem ekonomi itu sendiri. Hal ini sebagai satu jalan alternatif yang penting bagi mengelakkan kepincangan sistem kapitalis yang menyebabkan yang kaya bertambah kaya dan yang miskin akan terus miskin.

Antara usul DPIM ialah mengenai jihad bisnes yang bermatlamat supaya dapat memperkaya dan memperkasakan umat Islam dalam menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi melalui nilai-nilai bisnes dan membendung serta menyusun semula kapitalis liberal agar sifat-sifat seperti adil, saksama dan halal dari semua aspek dapat dititikberatkan.

"Oleh yang demikian, jihad bisnes tidak harus menjadi slogan semata-mata kerana ia hendaklah didokongi oleh kaedah-kaedah yang betul. Apa yang penting adalah dengan menginstitusikan harta kekayaan melalui konsep Waqaf Korporat yang kita perjuangkan dalam jihad bisnes tersebut. Sejajar dengan itu, dasar penswastaan harus diketepikan namun tidak bermakna ditolak sebulat-bulatnya kerana ia tidak harus dijadikan dasar sebaliknya lebih mengutamakan kepentingan masyarakat keseluruhannya", tegas beliau sebelum mengakhiri ucapan.

Dalam pada itu, Mohd Sabri berkata, sistem ekonomi kapitalis yang diamalkan hari ini perlu dikaji semula memandangkan pengurus-pengurusnya tidak mempunyai saham dan kepentingan yang tinggi dalam perusahaan itu apabila kerajaan mengendalikan perniagaan.





Internet Thoyyibah

Pemangkin Peribadi Unggul



KOTA BHARU - Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) seiringan dengan Kerajaan Negeri Kelantan dalam melaksanakan Internet Sihat untuk melahirkan peribadi unggul setiap rakyat negeri ini.

Kumpulan PKINK menjadi penyumbang utama kepada perisian Internet Thoyyibah iaitu melalui penajaan perisian yang akan dibekalkan kepada Sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Majlis Pelancaran Internet Thoyyibah telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat di Balai Islam Lundang pada 17 Mei yang lalu.

Turut hadir di majlis pelancaran tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Maklumat, Sains dan Teknologi YB Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Hj. Hassan, Setiusaha Kerajaan Negeri Kelantan, YB Dato' Seri Setia Raja Hj. Mohd Alseri bin Alias serta Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK Hj. Mohd Sabri Abdullah dan Pengurus –Pengurus besar Syarikat Anak PKINK.

Menurut Dr. Fadzli, aplikasi ini menjadi teras dalam menyediakan persekitaran internet yang suci dan sihat. Fokus

utama aplikasi ini adalah untuk digunakan oleh semua golongan terutamanya generasi muda yang mudah terpengaruh dengan penyebaran unsur tidak sihat melalui internet.

Perisian Internet Thoyyibah dilengkapi aplikasi yang dapat menapis dan mengimbas kesesuaian laman web mengikut kategori umur dan menghalang laman web dalam senarai hitam daripada dilawati. Kini aplikasi ini dapat direalisasikan dengan kerjasama erat Kerajaan Negeri Kelantan dengan Jaring Telecommunication untuk dimanfaatkan oleh seluruh rakyat negeri ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif JARING Communication Sdn. Bhd. Dr. Mohamed Awang Lah menyatakan terdapat beberapa ciri yang dimiliki oleh Internet Thoyyibah seperti mesra pengguna, perpustakaan maya, kawalan jarak jauh dan sistem keselamatan komputer.

Internet Thoyyibah ini merupakan langkah pertama dan sokongan berterusan pihak PKINK kepada usaha-usaha pelaksanaan yang dilakukan oleh negeri Kelantan dalam membangunkan Industri ICT dan Multimedia yang sihat di negeri ini.





Delegasi PKINK Membawa Misi Besar Ke Kemboja

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU – Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melakukan kunjungan hormat ke atas Kedutaan Malaysia Ke Kemboja yang diketuai oleh Ketua Delegasi PKINK, Hj. Mohd Adilan Mat Jusoh di Pejabat Kedutaan Malaysia di Phnom Penh sempena misi kemanusiaan PKINK untuk rakyat Kemboja pada 22 Jun lalu.

Kedatangan rombongan seramai 32 sukarelawan itu disambut dengan penuh mesra dan muhibbah oleh Duta Malaysia, Datuk Pengiran Hj. Mohd Hussein B. Datuk Pengiran Hj. Mohd Tahir Nasruddin serta pegawai-pegawai beliau.

Datuk Pengiran Hj. Mohd Hussein berkata pihak kedutaan merakamkan penghargaan kepada PKINK di atas usaha dan program yang dilaksanakan untuk membantu masyarakat Islam Kemboja.

Menurut beliau, di samping program yang dijalankan oleh PKINK, beberapa bidang lain boleh diterokai termasuk jalinan hubungan perdagangan dan ekonomi antara Malaysia-Kemboja.

Tambah beliau lagi, Kelantan melalui PKINK boleh meneroka hubungan ekonomi tempatan dalam bidang pembangunan usahawan, perniagaan, dan industry halal antara Kelantan dan Kemboja.

“Oleh kerana PKINK sendiri merupakan agensi utama dalam pembangunan ekonomi negeri Kelantan, adalah lebih baik jika PKINK tumpukan pada bidang perniagaan jangkamasa panjang dan menitikberatkan industri halal serta eratkan hubungan antara Kelantan dan Kemboja dan juga sesama umat Islam,” katanya selepas pertemuan itu.

Pada pertemuan itu juga, Datuk Pengiran Hj. Mohd Hussein berkata kunjungan ini juga begitu bermakna bagi Kedutaan Malaysia untuk membincangkan latar budaya dan keadaan ekonomi semasa kedua negara. Kedutaan Malaysia berharap dengan adanya kerjasama dan hubungan yang akrab seperti ini, kestabilan dan keharmonian serantau dapat dipertingkatkan.



Penyerahan Bendera Kontinjen untuk Misi Kemanusiaan Rakyat Kemboja

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU – Satu Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Misi Kemanusiaan PKINK untuk rakyat Kemboja telah diadakan pada 21 Jun lalu bertempat di Surau PKINK, tingkat 6 Bangunan PKINK. Penyerahan bendera ini telah dilakukan oleh Hj. Mohd Sabri Bin Abdullah selaku Ketua Eksekutif PKINK kepada Hj. Mohd. Adilan Mat Jusoh selaku Ketua Delegasi Misi Kemanusiaan.

Diantara aktiviti yang telah diselitkan dalam program ini seperti solat hajat, taklimat khas daripada Ketua Eksekutif dan sesi penyerahan bendera kontinjen. Majlis tersebut telah dihadiri oleh sebilangan sukarelawan yang bakal menyertai misi tersebut. Melalui taklimat yang telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif, beliau telah memberi penekanan kepada matlamat misi kemanusiaan serta



semangat bekerjasama dan jati diri kepada setiap sukarelawan.

Program Misi Kemanusiaan PKINK ke Kemboja ini juga adalah satu manifestasi dan hasrat Biro Kebajikan dan Biro Dakwah KSK PKINK dalam merintis usaha untuk melihat persaudaraan Islam

antara masyarakat Islam di Negara-negara Asean.

Ini adalah satu cara untuk mengekalkan hubungan umat Islam Kemboja dengan masyarakat Islam Kelantan yang terjalin melalui perniagaan, perkahwinan dan persaudaraan sejak dahulu lagi.



Kelantan Ke Arah Jelapang Makanan Negara 2015

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat



KOTA BHARU - Bagi merealisasikan hasrat kerajaan Kelantan untuk membawa negeri ini kearah sebuah negeri berasaskan pertanian, pelbagai langkah telah diambil dan dilaksanakan bersesuaian dengan hasrat menjadikan negeri Kelantan sebagai sebuah Jelapang Makanan Negara 2015.

Bagi menyahut hasrat tersebut kerajaan melalui agensi pertanian telah mengadakan Ekspo Pertanian Negeri Kelantan 2010 yang berlangsung dari 17 April hingga 3 Mei lalu di perkarangan Dataran Stadium Sultan Muhammad ke IV baru-baru ini.

Objektif program ini ialah untuk menyuburkan lagi pemahaman rakyat Kelantan terutamanya petani, penternak

dan nelayan terhadap konsep Bertani Satu Ibadah. Selain itu, memberi peluang kepada golongan petani, penternak dan nelayan untuk mempamerkan kejayaan atau kemampuan yang dicapai atau dirancangkan dalam pelbagai aspek pertanian kearah mewujudkan golongan petani, penternak dan nelayan komersil dan berkualiti.

Di samping itu, dapat mempromosikan hasil-hasil pengeluaran tempatan atau jajahan masing-masing dalam bidang pertanian, makanan, industri desa, industri asas tani dan agro pelancongan seterusnya memberi pendedahan kepada masyarakat tentang teknologi yang boleh

digunakan oleh petani-petani di samping mendedahkan pengetahuan dan teknologi terkini bagi peningkatan pengeluaran.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) tidak ketinggalan terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini selaku pengurus jawatankuasa pengisian aktiviti dan persempahan pentas.

Pelbagai acara ditampilkan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain antaranya Pameran Agensi Kerajaan, kuiz agensi Kerajaan, pemeran ternakan, jualan hasil pertanian, promosi jualan buah-buahan dan persembahan pentas.





PKINK Lebarkan Ar-Rahn ke Sabah

Oleh: Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

KOTA BHARU :- Kejayaan Kerajaan Kelantan dalam menerajui konsep Membangun Bersama Islam dengan melaksanakan pelbagai program seperti memindahkan akaun kewangan negeri ke Bank Islam dan mempelopori Sistem Pajak Gadai Islam telah menarik minat pelbagai pihak .

Sistem Pajak Gadai Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) kini sudah mempunyai 22 cawangan di Kelantan dan beberapa buah negeri lain.

Kejayaan yang ditunjukkan oleh PKINK tersebut telah menarik minat Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS) untuk menjadi sebagai francais kepada sistem pajak gadai Islam Ar-Rahn yang dilaksanakan oleh Permodalan Kelantan Berhad melalui Koperasinya.

Majlis menandatangani Perjanjian Francais tersebut telah dilaksanakan pada 27 Mei lalu antara Permodalan Kelantan Berhad, Koperasi PKB dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah melalui PBNS Holding.

PBNS akan membuka cawangan Ar-Rahn pertamanya di Bandar Tinanam.

PKB yang diwakili sendiri oleh Ketua Eksekutif PKINK Mohd Sabri Abdullah dan bagi pihak PBNS pula diwakili oleh Pengurus Besarnya Baharuddin Ab.Wahid dan Pengarahnya Ratnawati Haji Osman.

Turut hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah PKB Senator Mumtaz Mat Nawi dan Wan Yahya Wan Salleh.

Sabri ketika berucap melahirkan rasa terharu kerana PBNS telah sanggup menjalinkan kerjasama dalam menjalankan sistem pajak gadai secara Islam.

"Kita sentiasa memikirkan permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam terutamanya bagi mengelakkan diri dari terjebak dengan sistem konvensional yang mengamalkan riba. Dengan adanya sistem pajak gadai Islam ini, umat Islam telah dapat membuat pilihan sendiri dalam urusan penggadaian barang



kemas mereka," katanya.

Melalui sistem pajak gadai Islam ini juga beliau memberitahu terdapat tiga faktor utama yang ditekankan iaitu Adil, Telus dan Mudah.

"Sistem pajak gadai Islam ini begitu adil kerana setiap barang yang disimpan tidak dikenakan riba malah ia hanyalah dikenakan upah simpan sahaja dan ketelusan pula ialah perjanjian yang jelas sebelum sesuatu barang kemas pengguna ditinggalkan dan kita akan memaklumkan pada setiap masa sekiranya sudah cukup tempoh simpan serta ia amat mudah diuruskan melalui sistem kaunter sahaja," ujar beliau lagi.

Sementara itu Haji Baharuddin pula berkata PKINK hendaklah sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya kepada PBNS dalam urusan sistem pajak gadai Islam ini kerana suasana di Sabah amat jauh berbeza dengan penerimaan rakyat di Kelantan.

"Di Sabah, dugaannya amat berat, jika nak dibandingkan di Kelantan terutamanya persaingan dengan pajak gadai lama yang mengamalkan konvensional," kata beliau.

Sehubungan dengan itu, beberapa kakitangan PBNS telah dipilih menjalani kursus pengendalian sistem pajak gadai Islam ini dan mereka ditempatkan di beberapa pejabat Ar-Rahn milik PKB dalam memantapkan urusannya.





Pameran Sempena Muktamar

Warnai Kemeriahian

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

PENGKALAN CHEPA - Sempena Muktamar Tahunan PAS kali ke-56, Kelantan sebagai tuan rumah menyediakan pelbagai pengisian buat para perwakilan, pemerhati serta pengunjung-pengunjung yang bertandang ke acara tahunan itu.

Antara program yang menarik diaturkan sepanjang berlangsungnya muktamar ialah Pameran "20 tahun Kelantan diterajui Ulamak" yang diadakan bertujuan untuk memberi penerangan mengenai agensi-agensi kerajaan negeri serta badan bukan kerajaan yang terlibat selepas 20 tahun parti itu menerajui negeri Kelantan.

Pameran lima hari yang bermula 9 hingga 13 Jun itu telah berlangsung di halaman Pusat Tarbiah Islamiah (PUTIK) yang memperlihatkan signifikasi kepada negeri Kelantan kerana sepanjang 20 tahun pemerintahan Ulamak menyaksikan pelbagai pencapaian dan kemajuan dalam proses membangunkan negeri. Bermula pemerintahan pada 1990 yang ketika itu baru mengambil alih pemerintahan, kini Kelantan terus mengorak langkah dan memacu transformasi seiring proses pembangunan negara.

Pelbagai pameran informatif jabatan dan agensi kerajaan diketengahkan untuk pengetahuan umum tentang perkembangan kemajuan di negeri Kelantan ini serta menolak tanggapan yang mengatakan



Kelantan mundur dari semua aspek .

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) juga tidak ketinggalan terlibat secara langsung dalam menjayakan pameran ini dengan menyediakan informasi berkaitan ekonomi dan pembangunan negeri, menyediakan rawatan kesihatan percuma yang dikendalikan oleh Pusat Rawatan An-Nisa' serta perkhidmatan lain yang disediakan oleh kumpulan PKINK.

Selain PKINK, beberapa jabatan dan agensi kerajaan yang lain turut terbabit dalam pameran tersebut termasuklah Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan, Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan anak syarikatnya serta jabatan dan agensi kerajaan yang lain.

Turut sama mengambil bahagian, Urusetia Penerangan Negeri Kedah yang mempamerkan perkembangan pentadbiran kerajaan negeri tersebut sejak Mei 2008 hingga kini.



An-Nisa Anjur Derma Darah

Oleh: Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

KOTA BHARU - Penggunaan darah yang semakin meningkat di hospital akibat pelbagai penyakit masa kini telah menjadi satu tanggungjawab kepada Pusat Perubatan An-Nisa untuk membantu dalam usaha mendapatkan penderma darah di daerah Kota Bharu.

Dengan menjadikan sebagai program tahunan, An-Nisa telah mengadakan satu kempen menderma darah dengan kerjasama Hospital Raja Perempuan Zainab II(HRPZ2) pada 29 Jun lalu yang melibatkan hampir 200 penderma yang terdiri dari pelbagai agensi kerajaan seperti Angkatan Tentera Malaysia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Anak-anak Syarikat PKINK dan orang awam.

Menurut Pengarah Pentadbiran An-Nisa'Abdul Aziz Mohd Zain, program sebegini adalah merupakan satu tanggungjawab sosial yang amat baik dalam usaha mendapatkan seberapa banyak darah bagi kegunaan hospital dalam membantu mereka yang memerlukan.

Beliau juga berkata, rakyat negeri ini seharusnya sama-sama mengambil tanggungjawab untuk menderma darah kerana ia dapat membantu mereka yang memerlukan di samping menjadi satu sumbangan derma walaupun tidak berupa wang ringgit.

"Derma Darah juga adalah satu sumbangan mulia dan dianggap sebagai sedekah kerana dengan setitik darah yang didermakan ia boleh menyelamat nyawa orang lain," ujar beliau.

Abdul Aziz juga berkata tujuan utama diadakan kempen ini adalah untuk membantu tabung darah HRPZ2 dalam usaha untuk mengisi tabung darah yang kritis, disamping itu ia boleh memupuk nilai murni orang ramai dalam usaha menderma darah. Program sebegini juga

dapat meningkatkan kesedaran orang ramai betapa pentingnya setitik darah yang disumbangkan.

"Walaupun kita beranggapan kita tidak akan menerima sumbangan darah dari mana-mana hospital, tetapi kita seharusnya sedar mungkin salah seorang keluarga kita akan memerlukan pada satu hari nanti, oleh itu orang ramai perlu menanam sikap untuk menderma darah pada bila-bila masa," katanya lagi.





Program Sepadu Mesra Bersama Rakyat 2010

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU - Bersempena dengan Program Sepadu Mesra Bersama Rakyat, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sekali lagi telah menyertai dan menjayakan pameran yang mempamerkan aktiviti-aktiviti utama sektor perkhidmatan, perlادangan dan pembangunan harta tanah, di samping sektor pertanian serta beberapa sektor yang lain.

Majlis Perasmian Program Sepadu Bersama Rakyat peringkat Parlimen Pengkalan Chepa itu telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Program yang julung kali diadakan itu bertujuan mendekatkan rakyat dengan pemimpin dan seterusnya rakyat dengan pihak Kerajaan Negeri melalui agensi-agensinya.

Sempena program tersebut juga turut diadakan majlis penyampaian sumbangan kifaalah kepada waris warga emas yang meninggal dunia dan bantuan untuk pesakit-pesakit kronik, penyampaian kerusi roda dan input-input pertanian.

Program tersebut juga turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Kelantan, YB Dato' Hj. Takiyuddin Hassan dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga YB Wan Ubaidah Wan Omar, Ketua Jajahan Kota Bharu, ketua-ketua jabatan Negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat.

Lebih kurang 10 agensi kerajaan telah terlibat secara langsung dalam pameran sempena program tersebut yang berlangsung pada 13 Mei lalu bertempat di Kampung Tok Guru, Sabak dekat sini. ☺



Hari Bertemu Penyewa PSMB

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat



KOTA BHARU - Dalam usaha mewujudkan hubungan yang baik antara Prokel Management Sdn Bhd (PMSB) dengan pelanggan-pelanggannya, PMSB telah mengadakan Hari Bertemu Penyewa Bangunan Medan Usahawan di Pejabat Urusan PMSB bertempat di premis Medan Usahawan pada 16 Mei lalu.

Hari Bertemu Penyewa ini merupakan program yang julung kali diadakan bagi mencerminkan usaha pihak pengurusan



Pengerusi persatuan peniaga medan usahawan

dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk kemudahan penyewa dan pelanggan melalui pertemuan dengan mereka.

Majlis serba ringkas ini dihadiri kira-kira 17 penyewa dan diserikan dengan kehadiran Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK Hj Sabri Abdullah.

Program ini menjadi salah satu platform untuk penyewa memaklumkan tentang kemajuan perniagaan dan kemudahan yang perlu dititikberatkan oleh pihak pengurusan di samping

mendapat maklum balas positif daripada pihak pengurusan mengenai sebarang aduan serta pendapat yang dikemukakan oleh penyewa.

Bagi pihak pengurusan pula, maklum balas yang diberikan oleh para penyewa amat memberangsangkan dan akan diberikan perhatian sewajarnya bagi menambahbaik pelbagai aspek di Bangunan Medan Usahawan. ☺



PKINK Terima Kunjungan Delegasi MTAT

KOTA BHARU – Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menerima kunjungan Delegasi Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) pada 22 April lalu yang terdiri daripada 51 orang kakitangan dan peserta kursus dari dalam dan luar negara di Bangunan PKINK di sini.

Lawatan kajian keselamatan tersebut yang diketuai oleh Timbalan Komander MTAT, Kol Md Yusof Aziz bertujuan bagi mendapatkan maklumat tentang PKINK serta ingin mengenalpasti tahap keselamatan dan pembangunan ekonomi di kawasan terlibat dan mengenalpasti objektif utama pembangunan ekonomi.

Sementara itu, Kol Yusof ketika ditemui berkata, objektif utama lawatan tersebut adalah untuk menyiapkan kajian yang meliputi isu-isu keselamatan dan pembangunan di kawasan persempadanan maritim dan darat serta kerjasama agensi-agensi berkaitan di kawasan Kelantan.



Objektif utama lawatan tersebut adalah untuk menyiapkan kajian yang meliputi isu-isu keselamatan dan pembangunan di kawasan persempadanan maritim dan darat serta kerjasama agensi-agensi berkaitan di kawasan Kelantan.

Menurutnya lagi, input yang diperolehi hasil dari lawatan itu akan dijadikan panduan untuk menganalisa langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia dalam menentukan pembangunan ekonomi dan mengenalpasti cabaran didalam pengurusan keselamatan dan membuat cadangan alternatif kepada polisi sedia ada yang boleh dilaksanakan oleh pihak keselamatan.

Lawatan yang turut diisi dengan sesi penerangan dan taklimat berkaitan PKINK dan pembangunan ekonomi negeri oleh Timbalan Ketua Eksekutif, Encik Zainal Ab Rahim ini adalah untuk memberi lebih peluang kepada pihak lain untuk melihat sendiri peranan PKINK dalam meneraju pembangunan ekonomi negeri.




Keselamatan Penting Bagi Pembangunan Ekonomi Negeri

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU – Pembangunan sesebuah negeri mahupun negara akan berada dalam keadaan yang tidak stabil sekiranya tiada jaminan keselamatan oleh pihak kerajaan dan ini akan membantutkan pertumbuhan ekonomi setempat.

Bagi mendapat penjelasan terhadap keselamatan dan pembangunan ekonomi negeri Kelantan, satu rombongan dari Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) yang diketuai oleh Timbalan Komander MTAT, Kol Md Yusof Aziz telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) Mohd Sabri Abdullah pada 22 April lalu.



“Oleh kerana Angkatan Tentera Malaysia adalah pihak berkuasa yang terdedah dengan cabaran kepada keselamatan, mereka ingin mengetahui dari segi sistem dan kualiti pembangunan ekonomi di kawasan setempat yang dilihat antara faktor utama berkait rapat dengan tahap keselamatan setempat,”


Pada pertemuan selama setengah jam itu, kedua-dua pihak bertukar pendapat dan pengalaman mengenai tahap keselamatan dan pembangunan ekonomi di kawasan terlibat serta mengenal pasti objektif utama pembangunan ekonomi.

Mohd Sabri berkata, delegasi itu amat berminat mengetahui lebih mendalam mengenai ekonomi negeri dan peranan PKINK dalam menerajui pembangunan ekonomi berpaksikan ubudiyah, masuliyyah dan itqan.

“Oleh kerana Angkatan Tentera Malaysia adalah pihak berkuasa yang terdedah dengan cabaran kepada keselamatan, mereka ingin mengetahui dari segi sistem dan kualiti pembangunan ekonomi di kawasan setempat yang dilihat antara faktor utama berkait rapat dengan tahap keselamatan setempat,” katanya selepas pertemuan itu.

“Kita ingin merakamkan terima kasih kepada MTAT kerana telah memilih PKINK untuk dikunjungi dan mendapat maklumat sebenar pembangunan ekonomi negeri ini” ujar beliau lagi.





KEMBOJA: Amal Merentasi Sempadan

KEMBOJA merupakan sebuah negara Raja Berperlembagaan di bawah pemerintahan Raja Norodom Sihamoni yang memerintah sejak tahun 2004. Negara yang mendapat kemerdekaan dari Perancis pada 9 November 1953 ini terlibat dalam kancah perang selama hampir 3 dekad dan bebas sepenuhnya dari perang pada tahun 1991 apabila satu penyelesaian komprehensif ditandatangani melalui Persidangan Paris pada 23 Oktober 1991 dengan penyerahan kuasa kepada PBB untuk menamatkan sengketa bersenjata dan memulakan proses persediaan bagi Kemboja menghadapi pilihan raya bebas dan adil.

Persidangan Paris pada tahun 1991 telah membuka era baru bagi Kemboja. Pemerintahan Liberal-Demokrasi dengan Raja Berperlembagaan menyaksikan kemunculan 3 parti politik yang besar di Kemboja – Cambodian Peoples' Party di bawah pimpinan HunSen, FUNCINPEC di bawah pimpinan Putera Ranarridh dan Sam Rainsy Party.

Kini bilangan penduduk Melayu-Champa dianggarkan 500,000 daripada jumlah penduduk Kemboja 13.4 juta. Namun begitu

dari segi politiknya masyarakat Melayu-Champa dianggap penting kerana mereka merupakan penentu dalam pilihanraya. Di Parlimen waktu kini CPP mempunyai 73 kerusi, FUNCINPEC 26 dan Sam Rainsy Party 24. Daripada jumlah ini 11 kerusi parlimen diwakili oleh orang-orang Islam. Perlembagaan Kemboja menentukan bahawa kerajaan hanya boleh dibentuk apabila ia mendapat sokongan 2/3 daripada jumlah kerusi di Parlimen.

Majoriti masyarakat kemboja iaitu 95 peratus ialah penganut Buddha Theravada, dan selebihnya ialah penganut agama Islam, 4 peratus dan juga Christian. Sementara Bahasa pertuturan ialah Bahasa Khmer yang digunakan oleh lebih 95 peratus daripada penduduk Kemboja. Sebahagian juga yang bertutur Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang kini menjadi bahasa yang semakin popular dan menjadi bahasa kedua di Kemboja.

Kemboja yang pernah melalui zaman suram dan gelap semasa pemerintahan rejim komunis di bawah Pol Pot telah melalui suatu proses pembangunan dan pembaharuan semula. Di zaman Pol Pot, bangsa Melayu-Champa yang keseluruhannya beragama Islam, bertutur dalam bahasa Cham serta mempunyai adat





resam dan sejarah yang tersendiri telah menjadi mangsa pembunuhan beramai-ramai. Pada keseluruhannya 90,000 atau 36% umat Islam mati di antara tahun 1975-79 di Kemboja. Nisbah ini lebih tinggi daripada anggaran 21% keseluruhan rakyat Kemboja yang turut terkorban iaitu 1.67 juta daripada jumlah penduduk 7.89 juta pada tahun 1975.

Majoriti etnik Melayu Kemboja mendiami di Kampong Cham, Kampong Chnang, Kampong Spue, Battambang dan juga bandaraya Phnom Penh. 85 peratus penduduk Melayu Cham di luar bandar adalah petani dan nelayan yang tertumpu di kawasan pinggir Sungai Mekong dan Tasik Tonle Sap. Selebihnya adalah peniaga kecil, kakitangan kerajaan, pekerja kilang dan menyertai sektor perkhidmatan.

Corak kehidupan dan amalan harian masyarakat Kemboja tidak jauh berbeza dengan masyarakat Melayu Islam di Malaysia amnya dan Kelantan khasnya. Dengan kekurangan kemudahan infrastruktur asas seperti bekalan air bersih dan elektrik, kehidupan masyarakat Kemboja begitu daif, hidup dalam kesusahan dan serba kekurangan, dengan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah berpeluang hadir sendiri ke bumi Kemboja pada 22 hingga 26 Jun lalu melalui program Misi Kemanusiaan PKINK Ke Kemboja. Atas dasar kesedaran dan keprihatinan bahawa kesusahan dan kedaifan masyarakat serumpun Kemboja perlu dibantu, maka PKINK melalui Biro Kebajikan dan Dakwah, Kelab Sukan dan Kebajikan telah menyusun program khusus bagi membantu umat



Program Amal Misi Kemanusiaan PKINK ke Kemboja adalah manifestasi dan hasrat Biro Kebajikan dan Biro Dakwah KSK PKINK dalam merintis usaha untuk melihat persaudaraan Islam antara masyarakat Islam di negara-negara Asean dapat ditaut rapat.

Islam Kemboja yang diketuai oleh Yang Dipertua KSK PKINK, Hj Mohd Adilan Mat Jusoh.


Program Amal Misi Kemanusiaan PKINK ke Kemboja adalah manifestasi dan hasrat Biro Kebajikan dan Biro Dakwah KSK PKINK dalam merintis usaha untuk melihat persaudaraan Islam antara masyarakat Islam di negara-negara Asean dapat ditaut rapat seiring hubungan tidak langsung antara umat Islam Kemboja dengan masyarakat Islam Kelantan yang terjalin melalui perniagaan, perkahwinan dan persaudaraan sejak dahulu lagi.

Rombongan Misi Kemanusiaan PKINK ini telah disambut oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Islam Kemboja, Dr Sos Mousine dan pegawai-pegawai Kerajaan Kemboja di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh pada 22 Jun lalu.

Misi yang disertai oleh 31 anggota itu terdiri daripada sukarelawan iaitu Pegawai-Pegawai PKINK dan anggota, sukarelawan, doktor dan jururawat. Program ini telah mendapat kerjasama dan bantuan daripada sukarelawan antarabangsa yang pernah berkhidmat dengan Mercy Malaysia iaitu Puan Siti Noraishah S.M Salim dan turut dibantu oleh Pusat Rawatan Komuniti, Kota Bharu Kelantan.

Misi Kemanusiaan PKINK telah menjelajah beberapa tempat dengan tiga program besar yang telah disusun bermula dengan kunjungan ke Rumah Anak Yatim Darul Imarak, Kampung Prek Pra, pinggir bandaraya Phnom Penh. Lebih 200 anak yatim di pusat ini menerima bantuan berupa kain pelikat, kopiah dan alat tulis yang telah disumbangkan oleh PKINK. Selain itu, PKINK turut mengusahakan beberapa sumbangan lain berbentuk bantuan untuk menambahbaik jalan masuk dan kawasan halaman rumah anak yatim tersebut, pembaikian tandas dan sumbangan wang tunai yang disampaikan melalui PKINK.

Program kemasyarakatan pula telah diadakan di Kampong Chnang dan Kilometer 8 Masjid Norun Na Em di mana beberapa program iaitu khidmat berkhatan, pemeriksaan kesihatan percuma, penyampaian sumbangan dan aktiviti mewarna kanak-





kanak telah diadakan.

Melalui program ini lebih seribu keluarga telah menerima sumbangan makanan keperluan harian yang mengandungi beras, minyak masak dan gula daripada pihak PKINK iaitu 600 keluarga di Kampong Chnang dan 400 keluarga masyarakat Melayu Islam Kemboja yang menghuni bot di Tasik Tonle Sap.

Sementara lebih seratus kanak-kanak telah dikhatakan di Kampong Chnang dan lebih 60 orang di kilometer 8 Boat People. Kanak-kanak ini juga menerima sumbangan kain pelikat dan makanan ringan.

Di samping itu, bekalan ubat-ubatan turut diagihkan menerusi pemeriksaan kesihatan percuma ke atas hampir 400 penduduk di kedua-dua tempat. Pihak PKINK turut mengusahakan sumbangan sebanyak 43 buah pam air untuk kegunaan beribu-ribu orang penduduk di Kampung Chnang.

Ternyata kehadiran kami ke perkampungan Melayu Kemboja amat dinantikan oleh mereka semua. Dengan budaya hidup masyarakat yang tidak banyak berbeza, anggota rombongan misi mudah bergaul dan beramah mesra dengan masyarakat di sana yang sebahagianya memang boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan ada diantaranya yang mempunyai saudara di negeri Kelantan.



Namun, dalam ketika masyarakat Kemboja menempuh kehidupan yang serba kedaifan dan kekurangan, tanggungjawab terhadap agama tidak ditinggalkan. Ia dapat dilihat ketika rombongan kami berpeluang berkunjung ke penempatan rumah bot di Tasik Tonle Sap, Sungai Mekong, pinggir bandaraya Phnom Penh sewaktu panas terik matahari di atas kepala, kelihatan kaum wanitanya sedang menunaikan kewajipan bersolat walaupun dalam keadaan sukar.

Program misi kemanusiaan ini turut dihadiri oleh Dr Sos Mousine yang bersama-sama dengan rombongan kami dalam setiap program sehingga akhir. Keprihatinan beliau ke atas nasib umat Islam Kemboja amat disanjung tinggi. Beliau yang juga merupakan Presiden Persatuan Perubatan Islam (IMAC) dan




Presiden Persatuan Pelajar Muslim Kemboja (CAMSA) meluangkan masa bersama dalam setiap program yang telah disusun bersama dengan dua orang lagi rakan beliau iaitu, Timbalan Presiden IMAC, Dr Sann Sap Ey dan En Man Sokry dari Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan yang merupakan staf tetap CAMSA.

CAMSA turut bersama membantu menjayakan program misi ini dengan turut menghantar lebih 10 orang pelajar dari Norton University, Phnom Penh.

Keprihatinan Dr Sos Mousine merupakan gambaran usaha beliau untuk membawa keluar penduduk Islam Kemboja dari kancang kemiskinan serta keinginan beliau untuk melihat etnik Melayu Islam Kemboja yang terpelajar, berpengetahuan, mampu berdikari dan berjaya dalam semua aspek. Beliau amat berterima kasih atas usaha yang dilakukan oleh pihak PKINK dalam membantu masyarakat di sini terutama dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur melalui bekalan pam air dan rawatan kesihatan yang diadakan.

Dengan sokongan daripada Dr Sos Mousine dan harapan beliau untuk melihat umat Islam dan etnik Cham Kemboja mendapat pendidikan terbaik dan berjaya setanding dengan masyarakat dan etnik yang lain, usaha yang dilakukan oleh pihak PKINK tidak sekadar berhenti di sini. Ia hanya sebahagian kecil dari apa yang diperlukan oleh umat Islam Kemboja. Mereka memerlukan sokongan dan bantuan jangka panjang terutama dalam bentuk bimbingan, latihan kemahiran, jalinan hubungan ekonomi serta doa dari kita yang merupakan masyarakat serumpun dan seagama.





PKINK Terus Hulur Bantuan



Pameran Sempena Muktamar Warnai Kemeriahian



Kelantan Ke Arah Jelapang Makanan Negara 2015





An'Nisa ubah tanggapan masyarakat

Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

KOTA BHARU - Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan(PKINK) melalui Pusat Perubatan An-Nisa' berusaha untuk mengubah pandangan masyarakat terhadap penjagaan kesihatan lelaki melalui penerokaan dalam bidang kepakaran Sakit Tuan.

Sebelum ini An-Nisa' hanya dikenali sebagai sebuah pusat perubatan kaum wanita dan Ibu Bersalin.

Menurut Pengarah Pentadbiran Abdul Aziz Mohd Zain, Pusat Perubatan An-Nisa' ingin mengubah persepsi masyarakat negeri ini yang hanya mengenali An-Nisa sebagai khusus untuk kaum wanita sahaja.

Dalam usaha tersebut, An-Nisa yang diketuai oleh Ketua Eksekutif Dr. Roseliza Muhammad telah berjaya menandatangani dua perjanjian bersama Doktor Pakar Sakit Tuan Prof. Emeritus Dr. Mohd Ismail Mohd Tambi (Pakar Andrology) dan Dr. Marsita Mansor (Pakar Sakit Puan) dalam usaha membawa perubahan pengurusan An-Nisa yang akan merangkumi rawatan untuk umum.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani sempena Seminar Kesihatan Keluarga Sakit Tuan, Puan Dan Bayi Tabung Uji (IVF) bertempat di Balai Islam pada 25 April lalu.

Sebelum itu dua pembentangan kertas kerja telah disampaikan oleh kedua-dua pakar tersebut yang menyentuh pelbagai aspek berkaitan dengan penyakit yang dialami oleh kaum lelaki dan wanita.

Dua kertas kerja dibentangkan iaitu "Sakit Puan: Kaedah Rawatan IVF" dan "Sakit Tuan: Isu dan Penyelesaian" telah menarik perhatian peserta dan telah mendapat maklum balas yang baik dan berpotensi untuk disebarluaskan kepada umum.

Seminar yang dianjurkan oleh Pusat Perubatan An-Nisa' dengan kerjasama Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan (UPWKKN) itu disertai lebih 1000 peserta yang terdiri dari wakil-wakil NGO Agensi Kerajaan dan orang awam yang julung-julung kali diadakan dan mendapat sambutan menggalakkan.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakub, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan (UPWKKN) Hajah Rohani Ibrahim, Pengarah UPWKKN Zainiah Abdul Halim, Ketua Eksekutif Pusat Perubatan An-Nisa' Dr.Roseliza Muhammad dan ahli-ahli Yang Berhormat.

Sementara itu Datuk Ahmad Yaakob ketika berucap menutup seminar tersebut berkata Kerajaan Kelantan amat menggalakkan rakyat negeri ini mengamalkan gaya hidup sihat dan kesihatan yang sempurna akan membolehkan umat Islam menuaikan pelbagai ibadat dalam keadaan yang baik.

"Islam begitu memandang serius dalam aspek menjaga kesihatan. Nabi Muhammad SAW sendiri pernah mengajar umatnya beberapa doa dalam usaha mengelakkan pelbagai penyakit dan Islam juga menggalakkan usaha pencegahan sebelum datangnya



sesuatu penyakit itu," katanya.

Datuk Ahmad juga berkata dengan adanya pendedahan terhadap pelbagai penyakit yang dibawa dalam seminar sebegini terutamanya berkaitan dengan Sakit Tuan maupun Sakit Puan, rakyat negeri ini seharusnya memandang serius usaha pencegahan penyakit dan hendaklah sentiasa merujuk kepada doktor.

Menyentuh berkaitan dengan usaha kerajaan menggalakkan Bayi Tabung Uji(IVF) pula, Timbalan Exco negeri Rohani Ibrahim berkata ia adalah satu usaha baru dalam negara ini dan Islam tidak melarang sekiranya ia berlaku mengikut kehendak syarak.

"Kalau dulu kita merasa pelik terhadap isu Tabung Uji ini, tetapi dengan pendedahan yang dibuat oleh doktor-doktor pakar terutamanya berkaitan dengan agama Islam, ia kini semakin meluas dan melalui seminar seperti ini juga ia boleh dimanfaatkan oleh rakyat negeri ini," kata beliau lagi.



Anjakan Paradigma Dalam Diri Pegawai Kerajaan

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU - Bagi melicinkan pengurusan organisasi dalam melahirkan pegawai atasan yang berkualiti dan berpengalaman, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui Unit Latihan Pengurusan Sumber Manusia mengambil inisiatif dengan menganjurkan kursus "Handling Domestic Inquiry" di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK pada 6 hingga 8 April lalu.

Kursus 3 hari yang dikendalikan oleh Kukuh Kenari Sdn. Bhd. ini menekankan aspek berkaitan nilai-nilai professional, disiplin dan peraturan serta peranan pegawai atasan dalam menghadapi masalah pengurusan.

Kursus ini juga mendidik peserta tentang penyediaan laporan penyiasatan, cara menjalankan perbicaraan, dan prosedur siasatan dalaman.

Peserta yang terdiri daripada Pegawai Kumpulan A di setiap bahagian PKINK dan anak syarikat didedahkan dengan pelbagai kaedah dalam mengekalkan disiplin anggota yang berkhidmat.

Dengan adanya kursus sebegini, menjadi harapan PKINK agar peserta yang hadir dapat menimba ilmu sebaik mungkin dalam melahirkan pegawai yang berdedikasi, berketerampilan, dinamik dan berkualiti bagi memantapkan lagi sistem pentadbiran organisasi.



Penubuhan Badan Pengurusan Bersama / 'Joint Management Body' (JMB) Bagi KB Cyber Plaza



KOTA BHARU - Bangunan KB Cyber Plaza yang dahulunya dikenali sebagai KB Bazaar merupakan bangunan perniagaan 3 tingkat yang dibangunkan oleh PKINK yang mempunyai 224 lot ruang niaga. Sebanyak 57 lot ruang niaga telah berjaya dijual manakala selebihnya milik PKINK yang diberi sewa.

Selaras dengan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan), PKINK telah menganjurkan mesyuarat penubuhan JMB yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada pembeli-pembeli lot ruang niaga KB Cyber Plaza pada 1 Jun yang lalu.

Sejak bangunan tersebut disiapkan, Prokel Management Sdn Bhd telah diberi kepercayaan untuk mengurus kerja-kerja penyelenggaraan dan kos yang ditanggung oleh PKINK mencecah hampir RM500,000.00.

Seramai 8 pembeli telah dilantik sebagai pemerhati yang bertindak menganggotai Jawatankuasa JMB, termasuk En. Ahmad Hilmi selaku wakil PKINK.

Sementara itu, seramai 22 pembeli dan wakil pembeli telah hadir pada mesyuarat Agong Pertama tersebut dan telah bersetuju menujuhkan sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa JMB yang berperanan sebagai sebuah badan bagi mengurus dan menyelenggara bangunan KB Cyber Plaza dan akan mengambil alih segala kos pengurusan yang ditanggung oleh PKINK sebelum ini.

Selain dari pegawai-pegawai dan anggota PKINK, mesyuarat tersebut juga turut dihadiri oleh wakil Pesuruhjaya Bangunan, peguam dari Tetuan Rithauddeen & Aziz dan pegawai undang-undang dari Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam.



Kekejaman Israel di GAZA

KOTA BHARU - Meskipun kumpulan Misi Kemanusiaan ke Gaza telah selamat pulang ke tanahair, namun pengalaman dan pahit getir sepanjang berada dalam tahanan Israel cukup meninggalkan seribu satu perasaan yang sukar dilupakan.

Pengalaman, semangat dan harapan sukarelawan Malaysia berjaya dirakamkan dan dikongsikan bersama seluruh warga Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bersama dengan Ketua Misi Talian Hayat Untuk Gaza (LL4G), Noorazman Mohd Samsuddin dalam satu majlis ceramah kekejaman Israel di Gaza anjuran PKINK.


Majlis tersebut yang berlangsung selama hampir sejam bertempat di Bilik Operasi PKINK pada 13 Jun lalu adalah sebagai salah satu usaha pihak PKINK untuk berkongsi pengalaman dan bagi membuka mata semua pihak bahawa perjuangan ke Gaza adalah kerana Allah s.w.t dan umat Islam seluruh dunia dan bukan hanya untuk bantuan kemanusiaan semata-mata.

"Kami yakin apa yang kami buat ini adalah benar, ketika itu perasaan takut, gentar atau menyesal tiada dalam diri kami, bahkan yang ada dalam fikiran kami, bila kami ke sana kami tak akan balik (Malaysia) lagi dah".

Demikian kata Noorazman ketika berucap pada Majlis Ceramah Kekejaman Israel yang dihadiri oleh seluruh warga kerja PKINK termasuklah Ketua Eksekutif PKINK Mohd Sabri Abdullah.

Pengalaman ketika menjadi tahanan di atas kapal Mavi Marmara dan penjara Israel itu dikongsikan bersama telah menimbulkan kefahaman mengenai betapa pentingnya menjaga hubungan dengan Allah s.w.t dan hari akhirat.

"Kita mesti mendekatkan diri dengan Allah s.w.t dan sentiasa meminta pertolongan daripadanya kerana semua yang berada di langit dan bumi ini hanya milik Allah s.w.t kerana hakikatnya manusia tidak ada satu apa pun yang dimiliki," tambah Noorazman lagi bagi mengakhiri ucapan beliau.



SIRIM Anjur Kursus Rekacipta Laman Web di Makmal Siber PKINK

Oleh Hawa M. Saleh



PKINK amat berbesar hati apabila pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan kerjasama SIRIM Berhad telah sudi untuk menganjur Kursus Rekacipta Laman Web pada 26-29 April 2010 yang lalu di Makmal Siber PKINK. Kursus tersebut adalah diantara program latihan bimbingan teknologi dan peningkatan kualiti yang diadakan untuk usahawan yang berdaftar di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kursus tersebut telah dihadiri oleh seramai 14 orang peserta. Syabas dan semoga mereka berjaya dalam mendidik usahawan dalam memanfaatkan teknologi dalam usaha memajukan perniagaan mereka.



PANDA vs KAPERSKY

DUA pembekal besar antivirus di pasaran PANDA dan KAPERSKY telah dengan berbesarhatinya mengadakan satu taklimat ringkas kepada pengurusan PKINK bersama syarikat anak pada 12 dan 29 April yang lalu di bilik Operasi, Tingkat 10 PKINK. Masing-masing telah memperkenalkan produk terbaru mereka serta kaedah teknologi yang digunakan bagi produk masing-masing.

Taklimat Panda telah disampaikan oleh wakil dari Digital Interactive Technology, Kuantan manakala taklimat Kapersky pula adalah anjuran Crest Alpha Technology dengan kerjasama Inkubator ICT Center Sdn Bhd (IIC) sebagai wakil produk Kapersky di Kota Bharu. Panda telah

bermurah hati untuk menawar PKINK siri evaluation untuk 30 hari.

Maklumat-maklumat yang dibentangkan oleh kedua-dua pembekal amat bermanfaat dan menepati keperluan keselamatan komputer dari sudut serangan virus, trojan, worm dan seumpamanya. Selain dari itu ia juga mampun untuk melindungi komputer pengguna dalam proses penggunaan internet. Walaupun sedikit berbeza dari sudut pendekatan teknologi bagi kedua-dua jenama tersebut, namun ianya cukup untuk berfungsi sebagai tools dalam penggunaan ICT masa kini dan terpulanglah kepada pengguna untuk memilih yang mana berkenan di hati.



PKINK Anjur Kursus Fotografi


Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

KOTA BHARU – 24 Mei 2010 bersamaan 10 Jamadilakhir 1431 Unit Latihan PKINK telah menganjurkan kursus asas fotografi untuk anggota-anggota Kumpulan PKINK yang terlibat dengan kerja-kerja fotografi. Seramai 10 anggota Kumpulan PKINK yang terdiri dari 6 anggota Ibu Pejabat dan 4 dari Syarikat anak telah terlibat.

Kursus yang disampaikan oleh Rizal Tahir tersebut telah di adakan di Makmal Siber PKINK, Bangunan PKINK. Kursus yang memakan masa satu hari tersebut melibatkan kelas pengajian, praktikal dan

bengkel asas editing. Semasa praktikal, peserta diberi masa 2 jam ke Pasar Siti Khadijah untuk merakam gambar dengan menggunakan teknik "kelajuan shutter" dan "kawalan cahaya".

Dengan masa yang singkat itu, peserta menggunakan masa sebaik mungkin untuk memahami dan mempraktikkan penggunaan asas kamera digital SLR. Selain penggunaan asas kamera, peserta juga diajar beberapa kaedah penjagaan kamera dan peralatannya dengan betul.





PKINK Terus Hulur Bantuan

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

BACHOK - Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sekali lagi meneruskan program tanggungjawab sosial korporatnya dengan memberi bantuan kepada rakyat yang memerlukan.

Seorang bapa 11 anak, Abdul Rahim Ismail 55, dari Kampung Kubang Golok terpaksa membesar dan menyara anak-anak keseorangan selepas kehilangan isteri yang terlibat dalam kemalangan jalan raya pada bulan lepas. Ini menyukarkan lagi kehidupan beliau yang hanya bekerja sebagai nelayan dan terpaksa menanggung 6 daripada 11 orang anaknya yang masih bersekolah.

Tragedi itu telah menarik perhatian pihak PKINK untuk menghulurkan sumbangan berbentuk wang tunai dan keperluan harian kepada keluarga mangsa.

Dalam suasana penyerahan yang ringkas itu, Abdul Rahim menerima sumbangan yang telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK Mohd Sabri Abdullah.

Menurut Sabri, sumbangan yang diberikan tidak seberapa jika dibandingkan dengan pengorbanan yang dilakukan oleh mangsa untuk membesarakan anak-anak.

"Kami hanya membantu apa yang termampu, seterusnya terserah kepada mereka untuk mencorak kehidupan yang mendatang kelak" katanya lagi.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengurus Pengurusan Sumber Manusia PKINK Mohd Adilan Mat Jusoh.

Sementara itu di Pasir Mas pula, kesempitan hidup Rosnani Yasak 41, bersama sebelas anaknya di Kampung Chasi, Tok Uban turut mendapat perhatian PKINK apabila menerima sedikit sumbangan korporat bagi meringankan beban kehidupan harian.

Nasib malang keluarga ini bermula selepas kematian suaminya yang terlibat dalam kemalangan ketika menangkap ikan di Tasik Danau Tok Uban dekat sini baru-baru ini.



Rosnani yang hanya bekerja sebagai penoreh getah yang memperolehi pendapatan tidak menentu tidak mampu menyediakan kelengkapan makan minum anaknya seramai sebelas orang, namun kehadiran pihak PKINK ini sedikit sebanyak dapat meringankan bebannya.

"Sebelum ini, sudah menjadi kebiasaan anak-anak makan apa yang ada, tetapi selepas arwah tiada, mungkin kami terpaksa mengalas perut kerana tiada pendapatan tetap," katanya.

Menurutnya, sekarang ini walaupun ketiadaan suami namun dia akan berusaha memberikan yang terbaik kepada anak-anaknya walaupun mereka tidak mendapat sebarang biasiswa untuk perbelanjaan persekolahan.

Rosnani menerima sumbangan yang disampaikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK Mohd Sabri Abdullah, disini pada 29 April lalu.

Hadir sama pada majlis penyerahan itu ialah Pengurus Pengurusan Sumber Manusia PKINK, Haji Mohd Adilan Mat Jusoh dan pegawai-pegawai PKINK.

Haji Sabri selepas menyerahkan sumbangan tersebut berkata, PKINK sentiasa peka dengan nasib rakyat tanpa mengira fahaman politik kerana ia tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan oleh kerajaan negeri.

Menurut beliau lagi sumbangan tersebut tidak terlalu besar tetapi cukup untuk menampung keluarga ini meneruskan kehidupan dalam suasana yang lebih selesa dan sempurna.

"Kami berharap orang ramai dapat membantu menghulurkan sumbangan memandangkan anak-anak kecil ini memerlukan kehidupan yang lebih terbela untuk menjadi seorang yang berpendidikan..," katanya lagi.





Tugas Penghulu Dihargai

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU - Institusi penghulu di negeri ini amat besar peranannya dalam mendekatkan rakyat dengan kerajaan melalui penyampaian pelbagai maklumat dan ia juga merupakan penghubung urusan wakil rakyat dengan masyarakat setempat.

Penghulu menjadi penyambung antara jajahan dengan wakil rakyat pada peringkat bawahan yang menghubungkan urusan pemimpin masyarakat yang lain sama ada peringkat parti atau dalam NGO.

Oleh yang demikian, Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd mengambil inisiatif dengan memberi sumbangan kenderaan kepada Urusetia Hal Ehwal Penghulu Negeri Kelantan untuk kemudahan Urusetia berkenaan.

Majlis Penyerahan Kunci Sumbangan Kenderaan telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Besar Datuk Ahmad Yakob di Pejabat Perbadanan Tabung Amanah Tok Kenali di sini pada 5 April lalu.

Turut hadir pada majlis itu ialah Penggerusi Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd Datuk Omar Mohamed, Wakil Rakyat dan Pengarah Urusetia Hal Ehwal Penghulu Jamaluddin Ishak.

Menurut Datuk Ahmad Yakob yang juga Penggerusi Jawatankuasa Penasihat Penghulu Negeri Kelantan berkata sekiranya lebih banyak faedah dan kebaikan yang diperoleh penghulu di negeri ini, mungkin lebih banyak lagi maklumat yang diperlukan diperoleh dari mereka.

"Dan penghulu itu sendiri mampu memikirkan langkah-langkah

terbaik bagi mengatasi masalah yang dihadapinya. Dengan adanya kemudahan yang diberikan, kita berharap khidmat mereka lebih baik dan boleh merancang banyak perkara untuk kebaikan negeri ini, insya Allah," katanya.

Pada majlis yang sama, Pengarah Urusetia Hal Ehwal Penghulu Jamaluddin Ishak ketika ditemui berkata Urusetia Hal Ehwal Penghulu berperanan mengendalikan urusan membabitkan seluruh penghulu yang berjumlah 764 orang meliputi 14 Parlimen di Kelantan.

"Selain mengadakan majlis perjumpaan, kita turun ke setiap jajahan di negeri ini. Kami mengadakan pertemuan dengan semua penghulu di peringkat jajahan.

Urusetia Hal Ehwal Penghulu diwujudkan sejak 2007 di mana sebelum ini tiada urusetia khusus diadakan bagi mengendalikan hal ehwal penghulu, dan institusi penghulu itu hanya diletakkan di bawah pengawasan Pejabat Tanah dan Jajahan di negeri ini.

Menurut Jamaluddin, antara program yang dikendalikan pihaknya membabitkan kepentingan penghulu ialah mengendalikan Kursus Induksi untuk penghulu lantikan baru dan mengadakan Kursus Pemantapan Tugas Penghulu selain dari mengadakan Bengkel Pengurusan berkaitan.

"Kita amat berbesar hati atas sumbangan pihak Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd itu dan ia dapat melicinkan lagi urusan dan gerak kerja Urusetia Hal Ehwal Penghulu di negeri ini," katanya.



Alumni Program Usahawan Muda Kepada Usahawan Berwibawa - Mohd Fadzlan Ghazali

PROGRAM USAHAWAN MUDA (PUM)

merupakan satu pendekatan pembudayaan keusahawanan kepada pelajar sekolah menengah. Ianya mula diperkenalkan pada tahun 1989 dengan penglibatan dua buah sekolah di Kuala Lumpur dan dikendalikan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Kemudian program ini dipindahkan kepada Kementerian Perusahaan Awam mulai tahun 1990.

Pada tahun 1995 Kementerian Perusahaan Awam telah diperluaskan skop tugasnya dan ditukar namanya kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan kemudiannya kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD). Selaras dengan itu, PUM telah diletakkan di bawah (MeCD). Pada 9 April 2009, MeCD telah dibubarkan dan program ini dipindahkan di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).



5 objektif utama pelaksanaan PUM ini adalah:

- Memupuk dan membentuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar sekolah.
- Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan untuk memula dan melaksanakan perniagaan dengan berkesan.
- Menyediakan peluang pembelajaran keusahawanan melalui pengalaman.
- Menjadikan keusahawanan sebagai satu kerjaya yang menarik.
- Melahirkan usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.



PUM memberikan pendedahan dan pengalaman kepada pelajar sekolah menengah mengenai penubuhan sistem operasi dan pembubaran syarikat berdasarkan model koperasi. Pelajar akan terlibat di dalam program latihan "hands-on" selama sembilan bulan di sekolah masing-masing. Pada penghujung latihan tersebut, pelajar akan membentangkan akaun untung rugi hujung tahun syarikat berkenaan.

Selain program "hands-on" penubuhan dan pembubaran syarikat, aktiviti PUM juga meliputi Simposium Keusahawanan, Konvensyen PUM Negeri, Konvensyen PUM Nasional dan Kem Keusahawanan. Proses pembentukan budaya keusahawanan telah bermula dari peringkat awal sebelum persekolahan sehingga seseorang itu menceburkan diri dalam perniagaan sebenar dan seterusnya ke peringkat pertumbuhan dan pengembangan.

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Falahiah (SMK(A) Falahiah), Pasir Pekan adalah salah sebuah sekolah terawal di Kelantan yang dipilih untuk melaksanakan PUM. Seorang daripada ahli PUM dari sekolah tersebut iaitu En. Mohd Fadzlan Ghazali telah menyertai PUM selama 5 tahun bermula tahun 1995 hingga 1999 bermula semasa beliau di tingkatan 1 hingga tamat persekolah selepas menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Di bawah bimbingan guru Pengelola PUM SMK(A) Falahiah iaitu Puan Maimun, beliau yang telah dilantik sebagai Pengarah Urusan syarikat PUM telah berjaya menerajui syarikat dengan cemerlang dan memenangi anugerah Syarikat Terbaik PUM Peringkat Negeri Kelantan. Selaku syarikat terbaik peringkat negeri, beliau seterusnya mengetuai kontingen Kelantan di Konvensyen Nasional PUM Tahun 1999.



Minat terhadap bidang keusahawanan yang tecetus sejak dilantik Ahli Lembaga Pengarah PUM terus dipupuk sehingga beliau melanjutkan pelajaran di Politeknik Shah Alam. Sepanjang tiga tahun mengikuti kursus Diploma Business Management (International Marketing), kecenderungan beliau terhadap bidang perniagaan terus terserlah. Beliau turut berniaga secara kecil-kecilan semasa menjalani kehidupan kampus. Pembekalan baju-T, produk makanan serta pengurusan pengangkutan menjadi aktiviti niaga di waktu terluang. Setelah tamat pengajian di Politeknik, beliau telah ditawarkan kursus lanjutan di UiTM dalam bidang Business Study tetapi beliau telah menolak tawaran tersebut kerana minat beliau yang begitu mendalam terhadap bidang keusahawanan. Beliau nekad ingin menceburkan diri ke dalam perniagaan dengan lebih serius. Pada masa itu, bapa beliau iaitu En. Ghazali Rashid merupakan seorang pesara telah membuka sebuah kedai motosikal terpakai di Simpang Tiga Merkang di pinggir bandar Pasir Putih.

Pada tahun 2004, En. Mohd Fadzlan telah menuju ke Kuala Lumpur untuk mencari modal untuk membuka kedai perniagaan sendiri. Setelah berjaya mendapat sumbangan RM150,000 daripada ibu bapa dan kakak beradik, beliau akhirnya membuka Perniagaan Limasah pada tahun 2005 di Jalan 10/125, Bandar Pasir Putih. Perniagaan ini merupakan kedai elektronik komprehensif milik bumiputera di bandar Pasir Putih.

Kini, Perniagaan Limasah telah mampu memberi pendapatan tetap melebihi RM600 kepada 5 orang pekerja beliau setiap bulan. Selaras dengan pengembangan perniagaan, barang-barang di kedai ini telah dibahagikan kepada 2 sektor iaitu peralatan elektrik dan lampu (*lighting*). Sektor peralatan elektrik yang ditempatkan ditingkat bawah dikawal selia oleh beliau manakala sektor lampu diuruskan oleh adik beliau. Selain pembekalan barang elektrik kepada jabatan kerajaan, syarikat swasta serta penduduk sekitar Pasir Putih, syarikat ini juga merupakan syarikat kontraktor elektrik dan pembekal barang elektrik yang berdaftar.

En. Mohd Fadzlan juga telah menceburkan diri ke dalam perniagaan jualan langsung. Beliau merupakan seorang agen jualan produk Hai-O iaitu produk sistem penapisan air minuman. Sebagai seorang agen yang telah memenangi banyak anugerah kerana jualan yang tinggi dan berpendapatan 5 angka sebulan, beliau telah banyak kali dibiayai untuk lawatan ke luar negara seperti Paris, Amsterdam, Dubai, Tokyo, China, India dan Bangkok. Walaubagaimanapun, kenangan paling manis adalah apabila ditaja untuk mengerjakan umrah bersama-sama ibubapa.

Semoga En. Fadzlan terus maju jaya dalam perniagaan beliau, Insya Allah.





Pentingnya Konsep Perletakan Dalam Pembentukan Strategi Pemasaran


SOALAN

“...Syarikat saya mengeluarkan jus buah-buahan tempatan yang baru saja memasuki pasaran tempatan, khususnya di pantai timur semenanjung Malaysia. Apakah kaedah dalam pemasaran yang boleh menempatkan produk saya untuk bersaing dalam pasaran bagi memenangi hati pelanggan?

Hj Hussein Che Kob.
Pengkalan Chepa, Kota Bharu.




Mercedes-Benz



PERODUA



COMPAQ



TANDY

SETELAH syarikat anda memilih strategi untuk menjajikan pasaran, anda selanjutnya mestilah memikirkan sebaik mana ia boleh menempatkan produk syarikat anda. Dalam kaedah atau pendekatan pemasaran strategik, penempatan produk jus anda bagi memenangi seberapa ramai pelanggan dipanggil ‘Perletakan’ (*positioning*). Konsep perletakan (pasaran dan produk) melibatkan pembentukan strategi pemasaran yang ditujukan kepada sesuatu segmen pasaran untuk memperolehi satu ‘tempat’ di dalam pemikiran pembeli prospektif. Perletakan pasaran menggabungkan kedua-dua aspek segmentasi pasaran dan perbezaan produk.

Perletakan, umumnya didefinisikan sebagai satu tindakan untuk membentuk penawaran dan imej syarikat bagi mendapatkan tempat yang tersendiri di dalam minda pasaran sasaran. Perletakan ialah pengalaman yang baik yang dilakukan terhadap produk sedia ada. Ianya bermula dengan produk. Satu barang, satu perkhidmatan, satu syarikat, satu institusi atau mungkin satu individu... tetapi perletakan bukan apa yang anda lakukan terhadap produk, ia adalah apa yang anda lakukan ke atas minda bakal pengguna, anda meletakkan produk di dalam minda bakal



pengguna (Ries and Trout, 1981). Perhatikan bagaimana produk yang dikenali ramai secara umumnya mendapat tempat yang baik di dalam minda pengguna. Coca-Cola dianggap syarikat minuman ringan terbesar di dunia, dan Porsche sebagai salah satu kereta sport yang terbaik di dunia. Jenama ini mendapat tempat di minda pengguna dan amat sukar bagi pesaing mengatasi mereka.

Selain itu, perletakan produk bertujuan mencari kaedah bersesuaian agar produk tersebut difahami oleh pengguna berdasarkan ciri-ciri penting, iaitu kedudukan di pemikiran pengguna berbanding dengan produk pesaing. Dengan lain perkataan ialah 'apa yang dilakukan oleh produk dan untuk siapa'. Contohnya perletakan produk kereta Perodua Kancil ialah sebagai kereta yang ekonomikal, kereta Volvo diletakkan sebagai kereta yang selamat manakala kereta Mercedes Benz melambangkan kemewahan.

Syarikat anda juga perlu merancang untuk menentukan perletakan produk dan merekabentuk strategi campuran pemasaran untuk memperolehi perletakan produk yang dirancang. Strategi perletakan akan membantu untuk membezakan produk syarikat anda daripada pesaing-pesaing dan membentuk promosi untuk memberitahu pasaran tentang perletakan yang dikehendaki.



Berikut ialah beberapa contoh strategi perletakan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat ternama di dunia. Ia bukan sahaja terbukti berjaya, malah syarikat anda mungkin berupaya menggunakan strategi-strategi berikut untuk turut berjaya, iaitu:

- 1 Sifat produk:** Contohnya sabun Ekonomi Handalan mengiklankan harganya yang rendah, dan Mi segera 'Maggi' sebagai mi yang cepat di masak sedap dimakan.
- 2 Faedah yang ditawarkan:** Contohnya bagaimana ubat gigi 'Colgate' mencegah plak, 'Darlie' untuk mendapatkan gigi yang putih, Breeze Color untuk mengekalkan warna kain. Minuman 'Milo' menjadikan kuat dan sihat.
- 3 Situasi penggunaan:** Contohnya 'Wrigley' chewing gum sesuai dikunyuh selepas makan sate.
- 4 Kelas pengguna:** Contohnya Johnson&Johnson mengiklankan syampu yang tidak memedihkan mata sesuai untuk kanak-kanak, manakala losyen bagi Johnson&Johnson sesuai untuk golongan dewasa.
- 5 Menentang pesaing:** Contohnya Compaq dan Tandy membandingkan komputer peribadi mereka dengan produk IBM. Avis menentang Hertz dengan pernyataan, 'Kami adalah nombor dua, oleh itu kami akan berusaha lagi'.
- 6 Jauhkan pesaing:** Contohnya '7up' menjadi minuman nombor 3 apabila meletakkan produk mereka sebagai minuman 'uncola' (bukan cola), pilihan minuman yang segar dan menghilangkan dahaga selain dari Coke dan Pepsi.
- 7 Kelas produk:** Contohnya 'Kellogg's Cornflakes' diletakkan sebagai makanan sarapan pagi.
- 8 Strategi kombinasi:** Terdapat juga banyak syarikat yang menggunakan kombinasi beberapa strategi di atas sebagai strategi perletakan mereka.

Selamat Berjaya!





Mesyuarat Agung KSK PKINK Kali Ke-29

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

KOTA BHARU – 28 April 2010 bersamaan 13 Jamadilawal 1431, Kelab Sukan dan Kebajikan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (KSK PKINK) telah mengadakan Mesyuarat Agung kali yang ke-29. Mesyuarat kali ini melibatkan pemilihan Ahli Jawatankuasa, yang mana pemilihan ialah setiap dua tahun sekali telah dihadiri kira-kira 130 orang ahli yang diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK.

Pemilihan Jawatankuasa bagi sesi 2010 - 2011 ialah untuk Jawatan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Bendahari, enam orang Ahli Jawatankuasa dan dua orang pemeriksa kira-kira. Manakala jawatan Setiausaha dan Penolong Setiausaha adalah lantikan oleh Ahli Jawatankuasa.

Mesyuarat Agung telah dirasmikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK Mohd Sabri Abdullah, juga merupakan Penasihat kepada KSK PKINK. Dalam ucapan ringkasnya, beliau menekankan betapa pentingnya amalan hidup yang sihat dan cergas.

“Dengan tubuh badan yang sihat dan cergas ianya membolehkan kita melaksanakan kebajikan. Dengan meningkatkan pelaksanaan kebajikan ianya dapat memberi kesan yang baik kepada apa yang dibantu”, Beliau juga memaklumkan, bagi meningkatkan lagi tahap kesihatan di kalangan ahli, pihak Perbadanan telah menyediakan gimnasium bagi ahli-ahli KSK yang juga merupakan anggota Kumpulan PKINK.

Selain daripada bersukan, kelab juga berperanan sebagai sebuah badan kebajikan yang boleh membantu ahli-ahli yang kurang berkemampuan. Inilah peranan KSK dalam membantu ahli-ahlinya di samping dapat melahirkan ukhuwah di kalangan ahli. Di samping itu ahli dapat berkenal mesra di kalangan mereka. Beliau juga menyarankan agar KSK PKINK lebih menekankan kebajikan ahli-ahli dan ianya boleh memberi contoh yang baik kepada orang lain. ☺



Barisan Ahli Jawatankuasa KSK PKINK bagi sesi 2010 – 2011 ialah sebagaimana berikut:

Yang Dipertua	: Haji Mohd Adilan Mat Jusoh
Naib Yang Dipertua	: Ismail Shauki Ibrahim
Bendahari	: Nor Azuwan Saleh
AJK	: A.Ubaidillah b. Alias
	: Mohd Roslan Mohd Zain
	: Mohd Rozi Mohd Nor
	: Tengku Petra Tengku Wook
	: Zainul Amin Mat Zin
	: Hajjah Ahlaami Ab. Halim
Pemeriksa Kira-Kira	: Mohd Hafiez Mat Rais
	: Mazlan Md. Ragam



KSK PKINK Anjur Kejohanan Badminton Beregu Remaja Tertutup Kelantan

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

KOTA BHARU – 7 Mei 2010, Klinik Badminton Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK telah menganjurkan Kejohanan Badminton Beregu Remaja Tertutup Kelantan 2010. Kejohanan tersebut telah diadakan di Dewan PBK, Jalan Raja Dewa.

Seramai 140 orang telah menyertai kejohanan tersebut yang telah diadakan

dalam empat kategori, iaitu kategori 9 tahun – 10 tahun, 11 tahun – 12 tahun, 13 tahun – 15 tahun dan 16 tahun – 17 tahun. Kejohanan bermula seawal jam 8.30 pagi dan berakhir kira-kira jam 11.00 malam. Hadiah-hadiah kejohanan telah disampaikan oleh Yang Dipertua KSK PKINK Haji Mohd Adilan Mat Jusoh.

Keputusan penuh kejohanan adalah sebagaimana berikut:

Kategori 9 – 10 tahun

- Johan : Wan Mohd Ariff/Mohd Faiq Fitri (Klinik Badminton KSK PKINK)
N. Johan : Junior/Ab. Hazim (Klinik Badminton KSK PKINK)
Ketiga : Mohd Afiq Fahmi/Huzaifah (Klinik Badminton KSK PKINK)
: Mohd haikal/Tengku Adlin (Klinik Badminton KSK PKINK)

Kategori 11 – 12 tahun

- Johan : Mohd Hakimi/Mohd Akram (Tunas)
N. Johan : Mugilan/Adi Azrai (Klinik Badminton KSK PKINK)
Ketiga : Josiah Lee/Teh Zu Qi (Klinik Badminton KSK PKINK)
: Hafizudin/Junior (Klinik Badminton KSK PKINK)

Kategori 13 – 15 tahun

- Johan : A. Maziri/Mohd Fattah (Klinik Badminton KSK PKINK)
N. Johan : T. W. Kai/O. Soo Yong (Projek Negeri)
Ketiga : W. Budi Putra/Yusrizal (DY Brothers)
: Mohd Ariff Afiq/Firdaus Karma (Kuala Krai/Bachok)

Kategori 16 – 17 tahun

- Johan : Mohd Azim/Mohd Shafiq (Projek Negeri)
N. Johan : Wan Mas Amin/Wan Mohd Shafiq Projek Negeri)
Ketiga : Mohd Fathil/Farid Azmi (Klinik Badminton KSK PKINK)
: Faridzuan/Faizal (Klinik Badminton KSK PKINK)





PKINK Sertai Kejohanan Badminton Jemputan Melayu Zon Utara

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

IPOH – 14 Mei 2010 Perbadanan Kemajuan Iktisad negeri Kelantan (PKINK) telah menerima jemputan untuk menyertai Kejohanan badminton Jemputan Melayu Zon Utara yang diadakan di Dewan Badminton, Kompleks Sukan MBI, Ipoh Perak pada 14 – 17 Mei 2010.

Kejohanan anjuran bersama Majlis Bandaraya Ipoh dan Belati Wangsa (M) Sdn Bhd adalah dalam acara perseorangan & beregu (lelaki & wanita) serta remaja lelaki & wanita bawah 12, 15 & 18 tahun. PKINK melalui Klinik Badminton KSK



PKINK telah menyertai kesemua acara yang dipertandingkan dalam kategori lelaki sahaja.

PKINK cemerlang dalam beberapa kategori yang disertai sebagaimana berikut:

Kategori bawah 15 tahun :

Perseorangan

Johan : A. Maziri Mazlan

Kategori bawah 18 tahun :

Perseorangan

Johan : Wan Mas Amin

N. Johan : Mohd Faridzuan

Kategori Terbuka :

Perseorangan

Separuh akhir : Mohd Hafizi Hashim

Beregu

Separuh akhir : Md Hafifi/Md Hafizi

Kategori Veteren :

Beregu

Separuh akhir : Md. Asiff/Wan Roslan





Untung Dunia, Belum Tentu Untung Akhirat

Oleh: Ustaz A. Ubaidillah Alias

MISI Kemanusiaan selama 5 hari di bumi Kemboja menggugah jiwa manusiaawi. Kemboja pernah diperintah oleh Pol Pot yang merupakan rejim komunis, menghalalkan pembunuhan beramai-ramai dan memperlakukan manusia seperti binatang. Rakyat Kemboja melalui zaman gelap penuh penderitaan dari tahun 1975 sehingga awal 90an. Kini, mereka baru sahaja memulakan satu kehidupan baru setelah melepassi sejarah berdarah.

Sungguh saya merasa beruntung menjadi warga negara Malaysia yang makmur dan merdeka. Misi yang diikuti oleh 31 anggota itu terdiri daripada sukarelawan, doktor dan jururawat. Sebanyak 40 buah kotak berisi makanan, ubatan dan pakaian di bawa ke sana.

Kami benar-benar merasa syukur



atas kejayaan misi ini, kami berjaya mengkhatarkan lebih kurang 170 orang kanak-kanak muslim. Memberi bekalan ubat-ubatan kepada 400 pesakit dan menyumbang sebanyak seribu lebih bungkusan makanan untuk seribu lebih keluarga. Kami juga berjaya mendapatkan dana untuk membeli 43 buah pam air untuk kegunaan beribu-ribu orang penduduk di Kampung Chanang. Walaupun kerja yang dilakukan ini agak mencabar, namun ternyata kami merasa puas dan berbaloi.

Mereka di sana teramat miskin dan dhaif, hidup dalam kemelaratan. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka tiada kemudahan seperti bekalan elektrik. Mereka bermalam di dalam rumah berdindingkan buluh dan beratapkan daun rumbia. Sebahagian bermalam di atas bot kayu bersama keluarga. Kegelapan mereka hanya diterangi oleh pelita dan lilin. Bagi ibubapa yang pernah hidup di zaman awal 60an, barangkali mereka dapat menggambarkan bagaimana suasana masyarakat Kemboja di kawasan kampung.

Dari aspek lahiriah dan material, kita memang beruntung jika dibandingkan dengan warga Kemboja. Kita ada segalagalanya, sedangkan kehidupan umat Islam di Kemboja serba kekurangan, tiada rumah, tiada elektrik dan tiada kemudahan asas. Namun, sewaktu kami singgah di


perkampungan bot ketika matahari tegak di kepala, mereka masing-masing sedang sibuk menunaikan solat zohor di atas bos sendiri. Hal itu menyentuh hati-hati kami.

Kemiskinan mereka tidak membuatkan mereka berhenti bersolat dan menunaikan kewajipan kepada Allah. Berbeza dengan warga Islam di Malaysia, kemewahan dan keberuntungan warga Malaysia telah menjadikan kita sibuk daripada menunaikan solat. Ya, kita mungkin untung dari aspek duniaawi, namun dari aspek ukhrawi kita belum tentu beruntung.

Sabtu hari kita menonton, mendengar dan menikmati kemudahan televisyen yang menyajikan berbagai tayangan. Kita merasakan ianya satu nikmat, padahal terselit di dalamnya dosa-dosa kecil. Kita hidup dalam kemewahan dan membeli segala macam benda yang kita ingin, di bawah sedar kita sebenarnya sedang membazir dan mengundang kemurkaan Allah.

Benarlah, masyarakat di Kemboja miskin. Kita lebih beruntung dari aspek duniaawi. Namun, dari aspek ukhrawi kita tidak tahu siapakah yang lebih beruntung. Mudah-mudahan, kemewahan yang kita miliki tidak membawa kita ke neraka Allah. Na'uzubillah! Tepuk dada, tanyalah iman di jiwa.

Sekian.





Membersihkan Diri Dari Sumber yang Haram

Oleh: Ustaz A. Ubaidillah Alias


JIKA kita khuatir pernah termakan benda dari sumber yang haram atau mengambil harta orang. Atau jika kita memang pernah menggunakan wang haram untuk kegunaan ahli kelurga kita. Masih belum terlambat untuk membersihkannya. Bagi sesiapa yang khuatir termakan benda dari sumber yang haram. Ada dua cara membersihkan diri.

Pertama. Kita mencari tuan empunya barang yang dicuri lalu meminta izin tuannya agar memaafkan kesilapan silam. Kita perlu berusaha mencari tuan empunya barang yang pernah kita curi. Kita perlu mencari dengan bersungguh-sungguh. Lalu kita memohon maaf daripadanya.

Kedua. Andai kita tidak dapat mencari tuan empunya barang yang pernah kita curi. Kita perlu menghitung kembali berapa banyakkah nilai yang kita curi. Lalu jumlah itu dikeluarkan dari kehidupan kita dengan cara disedekahkan kepada projek kebajikan. Seperti projek pembinaan jalan, tandas, wakaf dan sebagainya. Seboleh-bolehnya jangan disedekahkan kepada masjid kerana wang itu adalah penebusan bagi wang haram yang pernah kita ambil.

Sebagai contoh, jika kita pernah bekerja di syarikat bank dan mengambil wang riba sebanyak RM 15 ribu. Dia perlu bertaubat dengan sungguh-sungguh dan mengeluarkan sejumlah wang sama banyak dengan jumlah wang riba yang diambilnya dahulu. Lalu wang itu disedekahkan.

Contoh lain, jika seseorang itu mencuri lembu orang atau mengambil buah-buahan orang. Lalu dimakannya. Dia perlu menghitung berapa harga lembu yang dicuri dan buah-buahan tersebut. Andaikan jumlahnya sebanyak RM 3 ribu. Maka dia



Kita perlu bertaubat dengan sungguh-sungguh terlebih dahulu. Tidak memadai dengan sekadar menebus wang itu tanpa bertaubat kerana hal itu adalah sia-sia.

Begitu juga sebaliknya, jika sekadar bertaubat dan mengatakan diri kita sudah insaf dari perbuatan lalu. Dalam masa yang sama tidak menebusnya dengan wang, maka itu juga sia-sia.



perlu bertaubat dengan sungguh-sungguh dan mengeluarkan wang sebanyak RM 3 ribu untuk menebus dosa lalu. Wang itu perlu disedekahkan kepada sesiapa sahaja.

Ini bererti, kita perlu bertaubat dengan sungguh-sungguh terlebih dahulu. Tidak memadai dengan sekadar menebus wang itu tanpa bertaubat kerana hal itu adalah sia-sia. Begitu juga sebaliknya, jika sekadar bertaubat dan mengatakan diri kita sudah insaf dari perbuatan lalu. Dalam masa yang sama tidak menebusnya dengan wang, maka itu juga sia-sia. Apa yang penting, kita perlu menebusnya dengan mengeluarkan sejumlah wang yang sama banyak dengan jumlah wang haram yang pernah kita ambil. Lalu kita keluarkan ia dari simpanan dengan cara bersedekah.

Insya Allah, dengan cara ini...kita akan mendapat keampunan dari Allah SWT. Namun, jika taubat kita sekadar main-main. Tiada gunanya kita menyedekahkan wang yang banyak. Ia tetap sia-sia.



AIR MATA GAZA

PALESTIN MENANGIS LAGI,
DUNIA DIKEJUTKAN DENGAN BEDILAN
ISRAEL,
MERATAH
MENGGANAS
RAKUS
DI BUMI GAZA

SEKOLAH,
RUNTUH MENYEMBAH BUMI,
HOSPITAL,
HANCUR DITEMBUSI PELURU
RUMAH, MASJID
LEBUR MENJADI DEBU-DEBU

MEREKA TIDAK PEDULI
ANAK KECIL
IBU-IBU
ORANG TUA
SEMUA SASARANNYA.

ANAK-ANAK MENJADI YATIM
ISTERI-ISTERI MENJADI BALU
IBU BAPA HILANG TEMPAT MENGADU

HARI INI,
DARAH TUMPAH MERATA-RATA
AIR MATA MENGALIR DI BUMI GAZA
ESOK,
ENTAH ADA ATAU TIDAK AIR MATA
MUNGKIN HANYA TINGGAL SISA-SISA KOTA DAN JASAD
ANGKARA SI PENGGANAS ISRAEL DI BUMI GAZA.

'abuzamz'

SELAMATKAN GAZA

BUMI GAZA TIDAK SELAMAT LAGI
ISRAEL TIDAK BENARKAN
WALAU SEINCI
BUMI SUCI
INI
TETAP JADI SASARAN

BUMI GAZA TIDAK LAGI SELAMAT
MERAH DARAH DI TANAH
AIR MATA JERNIH
MENJADI
MERAH
ISRAEL TERUS MERATAH

SELAMATKAH LAGI BUMI GAZA?
HUJAN PELURU MERATA
TIDAK KENAL SIAPA
KANAK-KANA
WANITA
TUA
MUDA
SEMUANYA MENJADI MANGSA

SELAMATKAN BUMI GAZA
HULUR SEGALA BANTUAN
TINGKATKAN PELBAGAI USAHA
PANJATKAN DOA
AGAR BUMI GAZA TIDAK LAGI SENGSARA.

'abuzamz'





Cheng Ho's Exploration Showcase
China Pavillion and International Booth
International Business Forum
Kelantan Arts & Craft Showcase
Multi Cultural Performance



21 - 26 November 2010

**Kelantan Trade Centre
(Pusat Dagangan Kelantan)
& Perkarangan Stadium Sultan
Muhammad Ke-IV,
Kota Bharu.**

**FRIENDSHIP
& PROSPERITY**